

E-BULETIN JKA

informasi untuk dikongsi

LAWATAN PENANDA ARAS BUKTI KEJAAYAAN JKA

Satu Lawatan 'Benchmarking' telah diadakan oleh Kolej Komuniti Kuching Sarawak Pada bulan Mac yang lalu.

Lawatan ini adalah sebagai persediaan Kolej Komuniti Kuching untuk menambah baik bidang-bidang yang berkaitan di dalam mengurus tadbir.

JKA telah terpilih sebagai salah satu lokaliti untuk menilai semula pengurusan terutamanya melibatkan pengurusan peperiksaan pelajar. Ini meliputi Sistem SPMP, pengurusan 'assesment' pelajar, pengurusan penahan pelajar dan banyak lagi.

Kunjungan ini melibatkan 10 orang staff dan disambut baik oleh pengarah Pn. Jamaliah Bt Ahmad.

Bagi pihak JKA ini merupakan satu penghargaan terutama didalam pengurusan yang baik ini supaya dapat diteladani dan dicontohi untuk masa mendatang.

>> Lanjut
Ms 9



ISU MENARIK DI DALAM

~ Bengkel penulisan
>>m/s 5

~ Bengkel video editing
>>m/s 8

~ Senarai Pekerja cemerlang 2020
>>m/s 10

SEKAPUR SIREH

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM MUHIBBAH!

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 8/2021 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Edisi ini merupakan yang pertama untuk tahun ini dan pelbagai kejayaan dan pelbagai aktiviti yang telah di jalankan bagi memenuhi segala KPI walaupun kita masih berada pada situasi pandemik covid-19, sekalung tahniah pada semua yang telah menjayakan dan mengharumkan nama JKA.

Di harapkan semua warga JKA terus cemerlang dari masa ke masa secara langsung atau tidak dan dapat memberikan imej yang baik untuk JKA. Saya selaku Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua staf JKA terutamanya di dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pendidik.

Akhir sekali, saya menyeru agar semua menjaga kebersihan diri dan ingatlah, sentiasa menjaga SOP walau dimana kita berada.

Sekian, Wassalam

Che Zaidi Bin Che Hassan
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



Kenali Pengurusan Tertinggi JKA

Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) merupakan salah satu jabatan bidang kejuruteraan di Politeknik Kuching Sarawak. Jabatan ini menawarkan 3 program di bawahnya iaitu, Program Diploma Kejuruteraan Awam, Program Diploma Pengurusan Bangunan dan Program Diploma Geomatik. JKA yang di ketuai oleh Sr. Che Zaidi B Che Hassan dan di tunjangi oleh 3 orang Ketua Program yang sangat berdedikasi iaitu Ledia Anak Angul, Redzuan Safri Abd Rahman dan Sumbang Anak Mandaw.

Salam Sejahtera...

Saya mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini. Edisi ke-8 ini merupakan yang pertama untuk tahun 2021 dan kami merakamkan jutaan terima kasih pada semua yang menyumbangkan bahan-bahan untuk kami muatkan ke dalam e-buletin JKA. Segala jasa kalian tidak mampu kami membalaunya. Kami akan cuba untuk terus mengeluarkan e-buletin ini mengikut seperti yang dirancangkan walaupun pandemik masih belum reda buat masa ini. Sekian, salam polku sayang daripada kami di pihak redaksi, stay safe!

Joshua Ribi,
Ketua Editor.

Dari Meja Editor



AUDIT AKREDETAJI ETAC BAGI PROGRAM DKA & DPB

oleh : Wani

Pada tanggal 23 Februari 2021 JKA telah di hadiri oleh Auditor ETACC untuk menilai semula Program Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Pengurusan Bangunan. Audit ini berjalan dengan jayanya dengan taklimat ringkas di mulakan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam. Kemudian semakan fail dan temubual pada sebelah pagi seterusnya pada sebelah petang dengan membuat lawatan ke makmal-makmal JKA. Hasil dapatan telah di bentangkan dan JKA telah berjaya memperolehi pensijilan semula ETAC. Syabas DKA dan DPB!





oleh : Azlan Mohd Ali

BENGKEL PENDAFTARAN KURSUS

Bagi memantapkan lagi prosedur dan tatacara pendaftaran kursus, satu perbengkelan telah di buat pada 2 Mac 2021 yang bertempat di Dewan Kuliah 1 dengan kehadiran peserta seramai 21 org. Bengkel ini telah di sampaikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Hj Che Zaidi Bin Hassan dan En. Azlan Bin Mohd Ali.

Bengkel ini pada dasarnya memberi pendedahan kepada Penyelaras Pendaftaran Kursus Jabatan (PPKJ) mengenai proses pendaftaran kursus di PKS dan JKA khasnya. Pendedahan ini amat berguna terutama kepada PPKJ yang baru dilantik.

Selain itu, medium pada bengkel ini adalah dengan menggunakan aplikasi menu i-Daftar di SPMP. Banyak informasi yang telah dikongsikan melalui bengkel ini terutama untuk menyemak pelajar yang belum mendaftar, bilangan pelajar yang belum membayar yuran dan lain-lain lagi.

Oleh hal yang demikian, bengkel ini berjaya menerangkan prosedur kursus kepada PPKJ dengan tepat dan terkini dan sekaligus ia memenuhi objektif perbengkelan. Di harapkan kesemua peserta telah mendapat ilmu baru dan mampu melaksanakan proses pendaftaran kursus dengan baik selepas ini.

BENGKEL PENULISAN JKA



oleh : Norain Ali



Bagi mencapai perkongsian ilmu secara global, JKA telah mengadakan program perbengkelan penulisan bagi sasaran perkongsian ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Ia telah diadakan pada 2 hingga 4 Mac 2021 bertempat di Dewan Kuliah 2 dan disampaikan oleh Dr Muhd Nazmi dan Dr Alan Ling Ying Leh. Selain itu, bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kaedah penulisan yang terkini dan di akhir bengkel ini juga peserta diminta untuk menyiapkan draf pertama penulisan sebelum dimurnikan lagi mengikut format penulisan yang sesuai.

Di akhir bengkel ini kebanyakkan peserta berjaya menghasilkan satu draf penulisan yang baik dan program sebegini dapat melonjakkan lagi daya kreativiti staf terutama di dalam bidang penulisan. Dengan ini diharapkan JKA terus menghasilkan bahan ilmiah yang berkualiti dan berjaya di peringkat global. Majulah JKA dan Maju!

BENGKEL

Field To Finish

oleh : Syamsinar

SESI DIS 2021



Pada 19 Mac 2021 yang lalu telah diadakan sesi perbengkelan Field to Finish bagi staf Geomatik JKA, iaitu seramai 15 orang telah terlibat. Bengkel ini memfokuskan kepada penerimaan dan pengoperasian alatan baru seperti set GPS dan beberapa total station.

Bengkel ini dikelolakan oleh syarikat Fajar Bumijaya Sdn. Bhd dan terdapat dua sesi iaitu secara online dan bersemuka. Untuk sesi bersemuka peserta perlu memahirkan diri terutamanya di dalam pengendalian alat dengan baik kerana ia akan mempengaruhi ketepatan data yang akan dicerap.

Pada akhir bengkel ini peserta dapat melihat data yang telah dicerap dengan memuat turun data yang telah diambil. Pelbagai aspek ketepatan data dipelajari dan sesi soal jawab berjalan dengan rancaknya. Mantap DGU!





MINGGU SUAI KENAL (MSK) DIS 2020



oleh : Fuad



Walaupun pandemik melanda dunia, sesi pembelajaran masih diteruskan.

Pendaftaran Pelajar Sesi Disember 2020 telah berlangsung dengan jayanya dan pada kali ini Minggu Suai kenal Pelajar juga di jalankan secara dalam talian.

Pelajar semeseter 1 dan penasihat akademik telah dipertemukan buat pertama kali secara maya. Program ini merupakan rutin JKA pada setiap semeseter baru bermula dan pelbagai taklimat diberikan oleh pengurusan JKA yang disampaikan oleh Ketua Jabatan, Ketua Program dan beberapa Ketua Penyelaras Jabatan seperti Peperiksaan, Penasihat Akademik, Keusahawanan dan Pendaftaran.

Seterusnya tentatif diteruskan dengan melepaskan pelajar kepada kelas dan penasihat akademik masing-masing untuk sesi sual kenal seterusnya. Sekali lagi di ucapkan Selamat datang kepada pelajar baru! Kami beri peluang anda rebut peluang!




JKA telah menganjurkan kursus video editing dengan peserta seramai 20 orang. Kursus ini berlangsung selama 3 hari bermula 30 Mac hingga 1 April yang bertempat di Makmal Komputer JMSK.

Para peserta didedahkan dengan teknik shooting, penghasilan storyboard dan editing menggunakan Adobe Primier Pro.

oleh : Zawaviv

< KURSUS VIDEO EDITING JKA



LAWATAN BENCHMARKING KOLEJ KOMUNITI KUCHING SARAWAK



Pada Mac yang lalu, PKS telah didatangi oleh delegasi daripada Kolej Komuniti Kuching Sarawak atas tujuan 'Lawatan Benchmarking' untuk melihat segala pencapaian pensijilan yang telah diperolehi oleh PKS. Hal ini diterima baik oleh pengurusan PKS dan pihak delegasi dipecahkan kepada beberapa kumpulan untuk di bawa ke jabatan dan unit yang ada di PKS.



oleh : Siti Zubaidah



Hal ini juga melibatkan JKA kerana delegasi berminat untuk melihat rekod penyimpanan peperiksaan di jabatan.

Lawatan kira-kira berakhir Jam 5 petang dan pihak PKS telah memberi sedikit cenderahati sebagai kenang kenangan kepada pihak Kolej Komuniti Kuching.

Diharapkan kesemua pihak memperoleh manfaat daripada lawatan ini, dan kami mengucapkan selamat maju jaya kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Kuching Sarawak !

ANUGERAH PEKERJA CONTOH

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM TAHUN 2020

JANUARI – MAC



REDZUAN SAFRI BIN
ABDUL RAHMAN



NAZMIAH BINTI NAWI



MOHD ZAWAWIV B. AZIZ

APRIL – JUN



NORMAH BINTI
JAINUDIN@MOHAMAD



JOSHUA AK RIBI



AZRINA BT. MADIHI

JULAI – SEPTEMBER



MARDIANA BINTI
MOHAMAD



STUART OTTO ANAK WILSON
MUNAN



ALVADJURI BIN AFFANDIE

OKTOBER – DISEMBER



TIONG HUA SANG



AHMAD BIN SIDEK



SURIATI BT. IBRAHIM